

HEBAHAN PEMBUKAAN PERMOHONAN BAGI PELAKSANAAN PROGRAM *PROOF OF CONCEPT (POC) POST QUANTUM CRYPTOGRAPHY (PQC)* INISIATIF *SANDBOX* PELAN MIGRASI PQC KEBANGSAAN BAGI TAHUN 2026

PENGENALAN

Pusat Teknologi dan Pengurusan Kriptologi Malaysia (PTPKM) ingin mempelawa syarikat/organisasi yang berkeelayakan untuk menyertai **Program *Proof of Concept (POC) Post Quantum Cryptography (PQC)* Inisiatif *Sandbox* Pelan Migrasi PQC Kebangsaan**.

Objektif utama program adalah untuk

- a) Menguji keupayaan dan kemandirian teknologi PQC negara dalam menghadapi cabaran keselamatan infrastruktur digital di era komputer kuantum.
- b) Menilai impak dan prestasi calon algoritma PQC standard antarabangsa dan kebangsaan dalam infrastruktur digital sebenar.
- c) Mewujudkan kerjasama teknikal dengan pakar keselamatan siber dari pelbagai sektor organisasi bagi tujuan perkongsian maklumat dan kepakaran.

KUMPULAN SASAR

Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan mempunyai produk ICT yang berpotensi untuk dikomersialkan.

KRITERIA KELAYAKAN

1. Syarikat atau organisasi mestilah berdaftar dengan SSM (bagi sektor swasta) atau badan pendaftaran rasmi lain yang berkaitan (untuk entiti akademik atau *Government-Linked Company (GLC)*). Pengecualian diberikan kepada badan berkanun atau agensi kerajaan.

2. Mempunyai kod bidang pendaftaran berkaitan keselamatan ICT, kriptografi, sistem maklumat, atau bidang yang bersesuaian. Pengecualian turut diberikan kepada badan berkanun atau agensi kerajaan.
3. Mempunyai produk sedia ada yang dibangunkan dan mencapai sekurang-kurangnya Tahap Kematangan Teknologi (*Technology Readiness Level*) TRL 4 dan mempunyai potensi untuk dikomersialkan.

Penglibatan Peserta Program POC PQC Tahun 2025

4. Peserta Program POC PQC Tahun 2025 dibenarkan untuk turut serta dalam Program POC PQC Tahun 2026 dengan mengemukakan cadangan teknologi baharu. Peserta Program PoC PQC Tahun 2025 amat digalakkan untuk membantu serta menyokong pelaksanaan dan kejayaan peserta Program POC PQC Tahun 2026.

CARA MEMOHON

Syarikat/Organisasi yang berminat boleh mengemukakan permohonan melalui Sistem Pengurusan dan Pemantauan Program POC PQC PTPKM di alamat url berikut:

<https://pqcsandbox-ptpk.m.upm.edu.my>

Setiap syarikat dibenarkan mengemukakan satu atau lebih cadangan teknologi melalui satu (1) permohonan sahaja dan hanya satu (1) akaun dibenarkan bagi setiap syarikat. **Pendaftaran syarikat hendaklah menggunakan no. pendaftaran SSM sebagai ID pengguna sistem.**

MAKLUMAT LAIN

Sesi Taklimat Program

- PTPKM akan mengadakan taklimat mengenai pelaksanaan program pada 14 Ogos 2026 (Sebarang perubahan tarikh akan dimaklumkan). Pemakluman mengenai tarikh sesi taklimat ini akan dihantar kepada syarikat yang telah berdaftar di dalam Sistem Pengurusan dan Pemantauan Program POC PQC PTPKM.

Sesi Pembentangan Cadangan Teknologi:

- Pemohon adalah dikehendaki untuk menghadiri sesi pembentangan bagi membentangkan cadangan teknologi seperti yang dinyatakan di dalam kertas cadangan. Tarikh dan masa sesi pembentangan akan dimaklumkan kelak.

Tempoh Projek:

- 4 bulan (September – Disember 2026)
Sila kemukakan jadual pelaksanaan projek bagi tempoh pelaksanaan yang dinyatakan.

TEMPOH PERMOHONAN DIBUKA

1 - 31 Ogos 2026